

04/03/2004

BN yakin rakyat sudah terima hakikat

DENGAN pembubaran Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN), kecuali DUN Sarawak, hari ini, secara rasminya Pilihan Raya Umum ke-11 akan diadakan selewatnya pada minggu ketiga Mac ini, lapan bulan lebih awal daripada tempoh pentadbiran kerajaan sekarang. Walaupun Perkara 55 Perlembagaan Persekutuan menetapkan pilihan raya umum boleh diadakan dalam tempoh 60 hari selepas tarikh pembubaran Parlimen dan DUN, secara tradisinya hari pembuangan undi akan diadakan sembilan atau sepuluh hari selepas hari penamaan calon dengan memberi ruang kepada parti yang bertanding untuk berkempen. Tarikh yang membabitkan proses urusan pilihan raya ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Kerajaan baru akan ditentukan menerusi persaingan parti politik di 219 kerusi Parlimen dan 505 kerusi DUN, tidak termasuk 62 kerusi DUN Sarawak yang tamat tempohnya September 2006. Pembabitan parti politik dalam setiap pilihan raya dengan sendirinya menjelaskan bahawa demokrasi di negara ini hidup subur.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, tidak memerlukan firasat luar biasa untuk mengisytiharkan pilihan raya kerana petunjuk persekitaran jelas menunjukkan bahawa sekarang adalah waktu terbaik untuk mendapatkan restu rakyat untuk terus mentadbir sepenggal lagi. Kestabilan politik, pertumbuhan ekonomi yang memberangsangkan, penyelesaian rakyat dan keadaan keselamatan yang terjamin, diperkuatkan lagi dengan sokongan memuncak rakyat terhadap kepemimpinan barunya, melonjakkan keyakinan untuk mempercepatkan proses kerajaan mendapat mandat baru. Peralihan kepemimpinan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Abdullah yang memperkenalkan dasar yang dekat dengan hati rakyat, dengan mengajak mereka bekerja bersama beliau, memberi jaminan bahawa tidak ada sebab pilihan raya perlu dilengahkan.

Petunjuk positif yang memihak kepada kerajaan BN, dengan sendirinya melemahkan pemimpin dan penyokong parti pembangkang untuk menggerakkan jentera parti masing-masing. Suasana hari ini jauh berbeza dengan pilihan raya umum lalu yang tidak sunyi dengan perhimpunan dan perarakan haram pembangkang dengan slogan reformasi.

Pas dan DAP ketika itu mengambil kesempatan dengan mengeksploitasi isu Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk memburukkan keadaan. Isu yang dianggap sesetengah pihak sebagai kemuncak kepada harapan pembangkang untuk merampas kuasa, kini sudah berkubur. Rakyat sudah menerima hakikat mengenai keadaan sebenar yang berlaku. Hari ini, pembangkang teraba-raba untuk mencari isu baru yang menghangatkan suasana pilihan raya.

Oleh itu, pilihan raya kali ini dianggap pilihan raya paling selesa bagi BN untuk membentuk sebuah `kerajaan baru dengan mandat baru' melalui proses demokrasi.

Paling meyakinkan kerajaan BN ialah sokongan rakyat yang kian meningkat, golongan muda menunjukkan reaksi positif terhadap tindakan kerajaan, malah pengundi yang terkeliru dalam pilihan raya umum lalu, mahu menebus semula kesalahan mereka dengan memberi sokongan padu kepada kerajaan BN.

Merampas semula Kelantan yang dikuasai Pas sejak dua penggal lalu dan Terengganu pada pilihan raya lalu, bukan lagi di luar jangkauan BN. Cuma, BN tidak boleh mengharap kemenangan datang menggolek tanpa usaha bersungguh-sungguh. Kejayaan dalam sistem demokrasi berparlimen yang diamalkan di negara ini ditentukan oleh penyertaan rakyat. Oleh itu, mereka perlu keluar beramai-ramai untuk memilih kerajaan yang dapat

menjamin masa depan generasi akan datang berlandaskan semangat untuk memperjuangkan agama, bangsa dan negara.

Sebagai rakyat, kita mengharapkan pilihan raya kali ini berjalan dengan lancar kerana di samping mengukur pemilihan rakyat, kita juga menguji kematangan rakyat dalam melaksanakan amalan demokrasi.